JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 38/2020

**RUJUKAN : 29 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kerajaan sentiasa komited dalam mendepani cabaran penularan wabak COVID-19. Selain usaha melindungi penyebaran jangkitan sediada dalam negara, pemantauan rapi bagi menilai dan membendung risiko kes jangkitan yang diimport turut menjadi fokus utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penyediaan stesen dan pusat kuarantin di beberapa buah negeri khususnya kepada masyarakat yang pulang dari luar negara (pengembara) telah mendorong usaha mengesan jangkitan di peringkat awal seterusnya memastikan proses pemulihan dapat dilaksanakan secara bersasar. Sehingga 29 April 2020, **sebanyak 226 individu telah dikenalpasti** mempunyai **jangkitan positif dan secara umumnya hampir 77 peratus** melibatkan individu yang **berkunjung ke negara Indonesia**. Berdasarkan **statistik kes positif pengembara** mengikut negeri, **sebanyak 89 kes dicatatkan di Negeri Sembilan** iaitu **peningkatan 72 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur & W.P Putrajaya sebanyak 54 kes, Melaka (39 kes), Selangor (18 kes), Johor (13 kes), Sarawak (12 kes) dan Kedah (1 kes) seperti pada Jadual 1. Angka ini turut menyumbang kepada peningkatan jumlah keseluruhan jangkitan positif kepada negeri-negeri terbabit.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 29 April 2020 **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 4,087** berbanding **1,758 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **94 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,945 kes. Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.5 peratus**, Zon Selatan (22.9 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.0 peratus), Zon Pantai Timur (9.4 peratus) dan Zon Utara (8.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** adalah menerusi catatan **di Negeri Sembilan** dengan **merekodkan 72 kes** disusuli **W.P Kuala Lumpur** (8 kes), Sarawak (6 kes), Pahang (5 kes), Sabah (2 kes) manakala Selangor sebanyak 1 kes. Selain itu, sejumlah **100 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan tiada pertambahan **kematian terbaharu** seperti pada Jadual 2.

Statistik pecahan kes kumulatif jangkitan positif **mengikut daerah** menunjukkan **tiada pertambahan** zon merah (41 kes ke atas) menjadikan catatan ini kekal sebanyak **30 daerah**. Namun begitu, sehingga 28 April 2020, hanya **12 daerah** daripada kategori tersebut yang masih mempunyai status **kes aktif dengan kebolehjangkitan** melebihi 41 kes**.** Antara **daerah atau kawasan** yang merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** (100 kes ke atas) adalah **Lembah Pantai dengan 298 kes** dan **Kuching sebanyak 165 kes**. Pada masa yang sama, **sejumlah 85 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** atau tanpa kes aktif.

Di seluruh dunia, **jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19** meningkat kepada **3,118,664 kes** dengan melibatkan **217,212 kes kematian. Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,012,583 kes,** disusuli Sepanyol dengan 232,128 kes dan Itali sebanyak 201,505 kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** catatan 15,641 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (9,511 kes), Filipina (7,958 kes) termasuk Malaysia (5,945 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat dengan menyumbang sebanyak 26.9 peratus,** diikuti Itali yang mencatatkan 12.6 peratus, Sepanyol (11.0 peratus) dan Perancis (10.9 peratus). Kedudukan statistik **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 15.49 peratus, Perancis (14.02 peratus), Itali (13.58 peratus) dan United Kingdom (13.39 peratus). Kadar kematian peringkat dunia adalah 6.96 peratus manakala kes sembuh merekodkan 932,535 kes (29.90 peratus) seperti pada Jadual 3.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**AS**: **Keyakinan pengguna merosot pada bulan April 2020.** Keyakinan pengguna di AS merosot dengan ketara pada bulan April 2020 manakala ekspektasi pengguna ke atas ekonomi pada masa hadapan menunjukkan peningkatan. Menurut laporan *Conference Board* AS, **indeks keyakinan pengguna jatuh ke 86.9 pada bulan April** setelah turun kepada 118.8 pada sebelumnya. Penurunan ini adalah lebih drastik berbanding yang dijangkakan. (RTT)

**AS**: **Defisit perdagangan barangan meningkat akibat eksport pengangkutan AS merudum**. Defisit perdagangan barangan AS meningkat pada bulan Mac 2020 didorong oleh kejatuhan eksport kenderaan bermotor dan alat ganti. Penurunan ini tidak dapat diimbangi oleh penurunan keseluruhan import yang terkesan akibat wabak pandemik COVID-19. *Commerce Department* menyatakan **jurang perdagangan barangan meningkat 7.2 peratus kepada AS$64.2 bilion pada bulan rujukan**. (Reuters)

**EU**: **Kadar pengangguran Sepanyol meningkat pada suku pertama.** Menurut agensi statistik rasmi INE Sepanyol, **kadar pengangguran meningkat kepada 14.4 peratus** pada suku pertama daripada 13.8 peratus pada suku keempat. Walau bagaimanapun, peningkatan ini lebih rendah berbanding 15.6 peratus yang diramalkan. Pada tempoh yang sama tahun lalu, kadar pengangguran adalah 14.7 peratus. **Bilangan penganggur meningkat sebanyak 121,000 untuk mencatatkan keseluruhan 3.3 juta penganggur.** Bilangan pekerja bekerja menurun sebanyak 285,600 dari suku sebelumnya kepada 19.7 juta pada tempoh rujukan. (RTT)

**EU**: **Menteri ekonomi Itali menyatakan penurunan Fitch tidak mengambil kira keputusan EU, ECB.** Penurunan Fitch ke atas penarafan Itali tidak mengambil kira keputusan ekonomi yang diambil oleh Kesatuan Eropah dan ECB**.** Fitch menurunkan penilaian **penarafan kredit Itali kepada 'BBB-'** dengan menyatakan penurunan itu mencerminkan kesan ketara wabak COVID-19 terhadap ekonomi negara itu. Roberto Gualtieri berkata, pemerintah menyedari perlunya reformasi ekonomi dan menurunkan hutang, sambil mengukuhkan asas ekonomi negara tersebut. (Reuters)

**UK**: **Keuntungan korporat mencecah paras terendah dalam jangkamasa 10 tahun pada hujung 2019.** Keuntungan syarikat UK jatuh ke tahap terendah dalam lebih dari satu dekad pada tiga bulan terakhir tahun 2019. Penurunan ini adalah ketika kebimbangan mengenai Brexit dan ketidaktentuan politik di UK serta bukan disebabkan oleh COVID-19. Kadar pulangan bersih bagi syarikat bukan kewangan swasta menurun kepada 9.3 peratus pada suku keempat daripada 9.8 peratus pada suku ketiga 2019, iaitu yang terendah sejak suku kedua tahun 2009 di mana ketika itu ekonomi UK berada di ambang krisis kewangan. (Reuters)

**CHINA**: **AS$600 bilion untuk memulihkan semula pertumbuhan melalui perbelanjaan ke atas infrastruktur.** China sedang berusaha mencari jalan keluar dari kemerosotan COVID-19. Ahli ekonomi menjangkakan **kerajaan tempatan di seluruh China akan mengeluarkan sebanyak CNY4 trilion (AS$565 bilion) dalam bon khas tahun ini**, iaitu kira-kira dua kali ganda dari jumlah tahun lalu. Dana ini akan dibelanjakan ke atas infrasturkur seperti jalan raya, lapangan terbang, dan kereta api, seperti yang pernah dilaksanakan pada kemelesetan kewangan global 2009. Rancangan itu telah mula dilaksanakan di bandar Heze di wilayah Shandong, sebuah perairan relatif yang menjalankan kerja awalan penyambungan ke landasan kereta api berkelajuan tinggi. (Bloomberg)

**SINGAPURA**: **Pandemik COVID-19 merencatkan prospek KDNK Singapura.** Prospek pemulihan ekonomi Singapura direncatkan oleh pandemik COVID-19 apabila krisis itu telah melemahkan aktiviti perbelanjaan dan pengeluaran negara berkenaan. **Unjuran KDNK disemak ke kadar yang lebih rendah iaitu pada jajaran -1.0 peratus hingga -4.0 peratus** dari unjuran awal iaitu -0.5 peratus hingga 1.5 peratus sebelumnya. Pihak berkuasa monetari Singapura (MAS) menyatakan, pemeteraian perjanjian perdagangan fasa 1 AS-China dan tanda-tanda perubahan dalam kitaran barangan elektronik global dijangka dapat membantu pertumbuhan Singapura pada tahun 2020. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Affin Hwang** menyatakan bahawa **permintaan sarung tangan getah amat tinggi** walaupun pihak pengeluar telah meningkatkan **pengeluaran melebihi 90 peratus**. Permintaan terhadap sarung tangan getah dijangka kembali normal **pada suku ketiga 2020**.

2. **RHB telah meluluskan** permohonan **Kemudahan Bantuan Khas (SRF)** sebanyak **RM500 juta kepada lebih 700 perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** yang terdiri daripada sektor perdagangan borong dan runcit, sebanyak 31 peratus (RM155 juta), sektor pembuatan sebanyak 16 peratus (RM79 juta), dan selebihnya merangkumi PKS daripada pelbagai sektor perkhidmatan.

3. **Honda Malaysia Sdn Bhd** akan **menyambung semula perkhidmatan** penjualannya secara berperingkat setelah mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

4. Kerajaan Sabah memutuskan untuk membenarkan **kilang Projek Ammonia dan Urea Sabah (SAMUR)** di Sipitang dan **Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT)** di Kimanis beroperasi seperti biasa bermula esok sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa. Petronas juga dibenarkan untuk memulakan operasi luar pesisir Sabah.

5. Malaysia akan **menerima penghantaran pertama kit ujian** pantas **antigen dari Korea Selatan** pada hari Jumaat. Keutamaan akan diberikan kepada Sabah dan Sarawak bagi **pengedaran pertama 50,000 unit alat** berikutan masalah logistik yang dihadapi di Sabah dan Sarawak. Kumpulan kedua, yang **merangkumi 100,000 unit** lagi akan tiba menjelang Sabtu.

6. **AirAsia Group Bhd** membuat inisiatif mengurangkan kos sekurang-kurangnya **30 peratus pada tahun 2020** termasuk menangguhkan penerimaan pesawat baharu dengan **mensasarkan 242 pesawat tahun ini** dan menyusun semula nilai bahan bakar bagi **mengurangkan kerugian** jika harga bahan bakar kekal pada harga terkini.

7. **Muatan udara global**, yang diukur dalam **tan kilometer jatuh 15 peratus** pada Mac dan dijangka **akan menurun** antara **14 peratus hingga 31 peratus bagi tahun 2020**. Pasaran antarabangsa meliputi

**87 peratus muatan udara** dan **kapasitinya merosot 43.7 peratus** pada Mac berbanding tahun lepas.

8. **Rizab pertukaran asing menurun** sebanyak **AS$ 1.7 bilion hingga berakhir pada AS$ 101.7 bilion** pada bulan Mac berikutan peningkatan dalam premium risiko yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Senario ini bukan hanya berlaku di Malaysia sahaja tetapi di seluruh **pasaran ekonomi sedang membangun (EME)** dan dijangkakan lantunan semula sebaik sahaja ekonomi kembali beroperasi.

9. **Sime Darby Property Bhd kekal cergas dan berdaya tahan** meskipun menghadapi cabaran dalam pasaran hartanah. Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2019, Sime Darby Property merekodkan **keuntungan bersih RM598.5 juta**, atas sokongan hasil RM3.2 bilion.

10. Harga bagi **RON95 dan RON97** pada Mac 2020 **lebih rendah berbanding Mac 2019**. Kos pengangkutan jatuh pada Mac 2020 dan **dijangka kekal dalam wilayah negatif** dalam bulan mendatang di tengah-tengah **kejatuhan mendadak harga minyak mentah global**.

11. Hotel 5 bintang di Melaka, ***Ramada Plaza Melaka Hotel* atau *Ramada Plaza by Wyndham*** (sebelum ini dikenali *Renaissance Melaka*) mengumumkan akan **menutup operasi pada 30 Jun**. Namun, tiada maklumat berkaitan bilangan pekerja yang akan diberhentikan. Syarikat akan memberikan dua bulan notis pemberhentian seperti di dalam kontrak pekerjaan kepada pekerja yang terjejas dan syarikat akan turut membayar faedah pemberhentian mengikut kontrak pekerja berkenaan.

12. Kesan pengangguran susulan pelaksanaan PKP akibat penularan wabak COVID-19 yang diisytiharkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac lalu dijangka dapat dilihat pada indikator tenaga buruh Mac 2020. Kadar pengangguran pada Januari adalah 3.2 peratus dan meningkat kepada 3.3 peratus pada Februari.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Time** | **Rubber gloves stocks outperforming, not time for profit-taking yet**<br><br>Shares of rubber gloves companies have outperformed Bursa Malaysia's FBM KLCI but it is still not the time to take profits, Affin Hwang Capital said.<br><br>Demand for rubber gloves continues to surprise us on the upside, as some manufacturers have locked in orders until the end of 2020.<br><br>Although manufacturers have increased their utilisation to above 90 per cent, it is still insufficient to satisfy the spike in demand.<br><br>Affin Hwang is surprised with the sales as it had assumed that demand would normalise by the third quarter (Q3) of 2020. | https://www.nst.com.my/business/2020/04/588475/rubber-gloves-stocks-outperforming-not-time-profit-taking-yet |
| 2. | **Berita Harian** | **RHB lulus lebih RM500 juta Kemudahan Bantuan Khas 700 PKS**<br><br>RHB Banking Group telah meluluskan permohonan Kemudahan Bantuan Khas (SRF) sebanyak RM500 juta kepada lebih 700 perusahaan kecil dan sederhana (PKS).<br><br>Ia bagi membantu mengurangkan masalah aliran | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/683183/rhb-lulus-lebih-rm500-juta-kemudahan-bantuan-khas-700-pks |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | tunai jangka pendek mereka berikutan pandemik COVID-19. Bilangan tertinggi kelulusan yang diberikan adalah daripada sektor perdagangan borong dan runcit, sebanyak 31 peratus dengan jumlah keseluruhan kemudahan sebanyak RM155 juta.<br><br>Ini diikuti sebanyak 16 peratus daripada sektor pembuatan dengan nilai RM79 juta, manakala selebihnya merangkumi PKS daripada pelbagai sektor perkhidmatan. | |
| 3. | **The Star** | **Pandemic has created new consumer trends**<br><br>GroupM CEO said that digital and e-commerce are experiencing the biggest boom, from a social content perspective as well as with more consumers shifting their purchasing behaviour more to online.<br><br>Another area which might continue to enjoy growth post pandemic is ewallets, as consumers get used to that method of payment.<br>One aspect of consumer behaviour that will continue after Covid-19 is online grocery shopping as consumers have begun to enjoy the convenience.<br><br>Brand switching is likely to stay as a consumer behaviour as consumers try out alternative brands compared to their | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/29/pandemic-has-created-new-consumer-trends |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | preferred choices if it is not made available online or via delivery. | |
| 4. | **The EDGE** | **FAMA'S Agrobazaar Online to become new normal after MCO — deputy minister**<br><br>The Federal Agricultural Marketing Authority's (FAMA) online marketing platform Agrobazaar Online has the potential to become the new normal among consumers after the Movement Control Order (MCO) is lifted.<br><br>Deputy Minister of Agriculture and Food Industry I Datuk Seri Ahmad Hamzah said since the implementation of the MCO, the online marketplace has been registering an increase in sales particularly for fresh produce.<br><br>As of yesterday, it recorded cumulative sales amounting to RM1.18 million, of which RM693,000 was contributed by the fresh produce segment while the remaining came from the agriculture-based products segment. | https://www.theedgemarkets.com/article/famas-agrobazaar-online-become-new-normal-after-mco-%E2%80%94-deputy-minister |

Penemuan penting & isu:

1. Affin Hwang menyatakan bahawa permintaan sarung tangan getah amat tinggi walaupun pihak pengeluar telah meningkatkan pengeluaran melebihi 90 peratus. Permintaan terhadap sarung tangan getah dijangka normal pada suku ketiga 2020.
2. RHB telah meluluskan permohonan Kemudahan Bantuan Khas (SRF) sebanyak RM500 juta kepada lebih 700 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terdiri daripada sektor perdagangan borong dan runcit, sebanyak 31 peratus (RM155 juta), sektor pembuatan sebanyak 16 peratus (RM79 juta), dan selebihnya merangkumi PKS daripada pelbagai sektor perkhidmatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemintaan sarung tangan getah yang tinggi pada separuh tahun 2020 akan memberi kesan positif kepada prestasi subsektor pembuatan produk getah. Pada tahun 2019, subsektor tersebut merekodkan pertumbuhan 6.9 peratus kepada KDNK Malaysia berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai ditambah sebanyak RM7.9 bilion (2018: RM7.4 bilion).
2. Bantuan pinjaman kepada PKS terutamanya kepada sektor perdagangan borong dan runcit akan dapat membantu kelangsungan sektor tersebut yang telah terjejas akibat penularan Covid-19. Sektor Perkhidmatan adalah penyumbang utama kepada KDNK PKS dengan sumbangan sebanyak 62.4 peratus pada tahun 2018. Nilai ditambah sektor Perkhidmatan PKS bertumbuh 42.2 peratus pada tahun 2018 berbanding 41.7 peratus pada tahun sebelumnya yang didominasi oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **The Star** | **MCO: Food, e-commerce, transport sectors to continue operating**<br><br>Food supply, e-commerce activities and logistics and transport services are allowed to operate during the movement control order (MCO).<br><br>Those in the logistics and transport services that supports supply, marketing and e-commerce, as well as companies that supports the food supply chain would also be allowed to operate. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/25/mco-food-e-commerce-transport-sectors-to-continue-operating#.XnrPqDkjsXM.whatsapp |
| 2. | **Bernama** | **Honda aftersales services to resume during MCO Phase 4**<br><br>Honda Malaysia Sdn Bhd will gradually resume its aftersales services starting from today after obtaining the approval | https://www.theedgemarkets.com/article/honda-aftersales-services-resume-during-mco-phase-4 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | from the Ministry of International Trade and Industry (MITI). However, the sales offices, manufacturing plant and dealer showrooms will remain closed during phase four of the movement control order (MCO). | |
| 3. | **The Edge Markets** | **Malaysia vehicle sales volume plunges 59% year-on-year in March — MAA**<br><br>Malaysia's March 2020 vehicles sales volume fell 58.96% to 22,478 units from 54,776 a year earlier, as businesses are largely affected by the implementation of the movement control order (MCO).<br><br>The passenger vehicle sales fell by nearly 60% to 20,260 units, from 50,101 units while commercial vehicle sales declined 52% to 2,218 units, from 4,675 units.<br><br>There will be no sales for April 2020, as MCO was previously extended until April 28, and showrooms will remain closed. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-vehicle-sales-volume-plunges-5896-yearonyear-march-%E2%80%94-maa |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 4. | **Bernama.com** | **AirAsia teliti tempahan Airbus, tiada pesawat baharu tahun ini**<br><br>AirAsia Group Bhd kini dalam proses meneliti semula pesanannya dengan Airbus dan tidak akan menerima sebarang penghantaran pesawat baharu tahun ini. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1836841 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **C. Subsektor Kesihatan** | | |
| 5. | **Harian Metro** | **KKM pergiat pengesanan, amaran awal penularan COVID-19**<br><br>KKM memantau keputusan ujian COVID-19 yang dijalankan di makmal swasta dan akan terus menjalankan aktiviti survelan COVID-19, walaupun selepas PKP ditamatkan, termasuk menggunakan kemudahan makmal swasta di pelbagai zon. Aktiviti survelan ini penting sebagai sistem pengesanan awal dan sistem amaran awal bagi penularan COVID-19 dalam negara. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/572699/kkm-pergiat-pengesanan-amaran-awal-penularan-COVID-19 |
| 6. | **Astro Awani** | **Dua kakitangan Gleneagles Pulau Pinang positif COVID-19**<br><br>Dua kakitangan Hospital Gleneagles Pulau Pinang disahkan positif COVID-19. Gleneagles dalam satu kenyataan memaklumkan, dua kakitangan tersebut adalah dari keluarga yang sama dan telah dikenal pasti sebagai pesakit di bawah siasatan (PUI). | http://www.astroawani.com/video-malaysia/dua-kakitangan-gleneagles-pulau-pinang-positif-COVID-19-1846388 |

Penemuan penting & isu:

1. Bekalan makanan, aktiviti e-dagang, perkhidmatan logistik dan pengangkutan termasuk pengeluar makanan, aktiviti peruncitan & borong, pembungkusan dan pengedaran dibenarkan beroperasi tempoh PKP
2. Honda Malaysia Sdn Bhd akan menyambung semula perkhidmatan penjualannya secara berperingkat setelah mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
3. Jumlah jualan kenderaan Malaysia pada bulan Mac 2020 jatuh 59 peratus berbanding tahun lalu kesan daripada pelaksanaan PKP.

4. AirAsia mengambil keputusan untuk tidak menerima sebarang penghantaran pesawat baharu pada tahun ini disebabkan krisis industri penerbangan terus meruncing susulan pandemik COVID-19. AirAsia hanya menyasarkan sejumlah 242 pesawat iaitu pengurangan satu pesawat berbanding tahun lepas.
5. Penggunaan makmal swasta untuk pengujian sampel COVID-19 dapat meningkatkan bilangan pengesanan awal virus tersebut.
6. Kakitangan hospital swasta yang turut dijangkiti COVID-19 boleh menjejaskan operasi hospital swasta kerana kekurangan kakitangan, disebabkan kakitangan lain yang merupakan kontak terdekat perlu menjalani ujian dan dikuarantin.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebenaran operasi semula industri tahap 1,2 dan 3 ini dapat memberi anjakan kepada pemulihan sistem rantaian bekalan barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi permintaan domestik dan luar negara.
2. Jualan kenderaan Malaysia dijangka jatuh melebihi 50 peratus memberi kesan kepada subsektor kenderaan bermotor.
3. Penglibatan makmal swasta dalam ujian COVID-19 ini akan membantu meningkatkan pendapatan bagi aktiviti makmal swasta.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Sabah gives Petronas O&G terminal, ammonia plant permission to restart**<br><br>The Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT) and Sabah Ammonia and Urea (Samur) plant have been granted permission to restart operations immediately, says Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.<br><br>He said they had also given the greenlight for Petronas to begin their offshore operations in the state.<br><br>According to Shafie, a senior Petronas official had made the request for the operations of | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/29/sabah-gives-petronas-og-terminal-ammonia-plant-permission-to-restart |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Samur in Sipitang to restart, and the state cabinet on Wednesday (April 29) approved the request, as well as for resumption of operations at SOGT in Kimanis. | |
| 2. | **The Edge Markets** | **50,000 antigen rapid test kits to arrive from South Korea on Friday**<br><br>The government confirmed today that Malaysia will receive the first shipment of antigen rapid test kits from South Korea on Friday.<br><br>Priority will be given to Sabah and Sarawak in the distribution of 50,000 units of the kits, said health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.<br><br>He added that the second batch, comprising another 100,000 units, will arrive in Malaysia by Saturday. | https://www.theedgemarkets.com/article/50000-antigen-rapid-test-kits-arrive-south-korea-friday |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan Sabah hari ini memutuskan untuk membenarkan kilang Projek Ammonia dan Urea Sabah (SAMUR) di Sipitang dan Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) di Kimanis beroperasi seperti biasa bermula esok sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa. Petronas juga dibenarkan untuk memulakan operasi luar pesisir Sabah.
2. Malaysia akan menerima penghantaran pertama kit ujian pantas antigen dari Korea Selatan pada hari Jumaat. Keutamaan akan diberikan kepada Sabah dan Sarawak bagi pengedaran pertama 50,000 unit alat berikutan masalah logistik yang dihadapi di Sabah dan Sarawak. Kumpulan kedua, yang merangkumi 100,000 unit lagi akan tiba menjelang Sabtu. Sebelum ini, pada 16 April, KKM memaklumkan akan menggunakan kit ujian pantas yang membolehkan KKM membuat ujian di klinik, lapangan atau komuniti tanpa perlu menghantar sampel ke makmal.dan keputusan boleh diperoleh dalam tempoh 30 hingga 45 minit sahaja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import kit ujian (HS 382200 dan 300215) pada tahun 2019 ialah RM635.6 juta. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport kit ujian bernilai RM53.6 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import kit ujian meningkat RM15.2 juta atau 39.6 peratus daripada RM38.4 juta. Import kit ujian bagi tahun 2020 dijangka akan meningkat disebabkan penularan wabak COVID-19.
2. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Free Malaysia Today** | **Make sure bosses enforce SOP on hygiene, social distancing for workers, MTUC says**<br><br>The Malaysian Trades Union Congress (MTUC) is urging the government to put in place a blueprint to enforce the health ministry's efforts to contain the Covid-19 outbreak as the construction and manufacturing sectors resume business today. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/29/make-sure-bosses-enforce-sop-on-hygiene-social-distancing-for-workers-mtuc-says/ |

Penemuan penting & isu:

1. Majikan harus dipaksa untuk menyediakan peralatan pelindung diri untuk pekerja mereka, dan menyiapkan semula tempat tinggal mereka untuk memastikan bahawa kebersihan asas dan jarak yang selamat sentiasa dipatuhi.

.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan berterusan syarikat-syarikat yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **IATA: Govts must cut red tape to revive air cargo**<br><br>Global air cargo measured in tonne-kilometres fell by 15% in March. It could fall between | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/29/iata-govts-must-cut- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 14% and 31% for 2020 with the recession. International markets account for 87% of air cargo and belly capacity for international air cargo shrank by 43.7% in March compared to the previous year. There is not enough capacity to meet the remaining demand for air cargo. It is advised that governments must cut the red tape needed to approve special flights and ensure safe and efficient facilitation of crew. Also, to keep the supply chain to meet what demand might exist, airlines must be financially viable. | red-tape-to-revive-air-cargo |
| 2. | **The Star** | **Research house: Forex reserves may ease in immediate term**<br><br>Malaysia's foreign exchange reserves could ease in the immediate term owing to a rise in risk premium, caused by the Covid-19 pandemic. However, this was not unique to Malaysia but would also be seen across the emerging market economies (EMEs), and a rebound could be forthcoming once the economy returns to normalcy. The research house noted that Bank Negara's foreign exchange reserves decreased by US$1.7bil to end at US$101.7bil in March - a back-to-back drop from February. Foreign exchange reserves in ringgit terms, on the other hand, jumped by RM16.8bil to end at RM440.1bil, its best since | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/29/research-house-forex-reserves-may-ease-in-immediate-term |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | December 2013. FX reserves at the end of March 2020 was sufficient to finance 7.7 months of retained imports (RI) and 1.1x of short-term external debt (ST debt), an improvement against the previous month. | |
| 3. | **The Star** | **Hotel sector takes a hit**<br><br>While Malaysia's hotel average occupancy rate is poised to grow to 32% in 2020, more than three times its present level, the sector could see up to 15% of its businesses shutting down permanently due to the impact of the Covid-19 pandemic. The overall hotel average occupancy rate is expected to be around 25.41% for this year. In general, hotels are not expected to record any profits with occupancy below 40%. This means having to bear with losses from March for the rest of the year; and may even extend into year 2021. Of the hotels that will be closing temporarily, the bulk of them (27%) plan to shut down until the movement control order (MCO) is lifted, 15% are still undecided while 2% are planning to either sell or renovate their establishment. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/29/hotel-sector-takes-a-hit#cxrecs_s |

Penemuan penting & isu:

1. Muatan udara global, yang diukur dalam tan kilometer jatuh 15 peratus pada Mac dan dijangka akan menurun antara 14-31 peratus bagi tahun 2020. Pasaran antarabangsa meliputi 87 peratus muatan udara dan kapasitinya merosot 43.7 peratus pada Mac berbanding tahun lepas.
2. Rizab pertukaran asing menurun sebanyak AS$ 1.7 bilion hingga berakhir pada AS$ 101.7 bilion pada bulan Mac berikutan peningkatan dalam premium risiko yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Senario ini bukan hanya berlaku di Malaysia sahaja tetapi di seluruh pasaran ekonomi

sedang membangun (EME) dan dijangkakan lantunan semula sebaik sahaja ekonomi kembali beroperasi.

3. Sektor perhotelan dijangka akan menyaksikan 15 peratus perniagaannya ditutup disebabkan impak daripada pandemik COVID-19. Kadar purata penghuni secara keseluruhan untuk tahun ini adalah dijangka dalam anggaran 25.41 peratus dan hotel dengan kadar penghuni di bawah 40 peratus dijangka tidak akan merekodkan sebarang keuntungan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kejatuhan prestasi bagi muatan udara global pada Mac 2020 serta prestasi tahunan yang dijangka menurun antara 14-31 peratus bakal mempengaruhi Akaun Barangan dan Pengangkutan. Pada tahun 2019, eksport barangan merekodkan sebanyak RM817.8 bilion dan import ialah RM692.2 bilion.
2. Penurunan dalam rizab pertukaran asing akan membawa impak kepada penyusunan statistik Akaun Kewangan. Aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah dicatatkan dalam Akaun Kewangan pada tahun 2019.

~~3.~~ Pandemik COVID-19 telah menjejaskan sektor perhotelan dan dijangka banyak premis terpaksa ditutup. Situasi ini bakal dilihat kesannya dalam statistik Imbangan Pembayaran dan Pelaburan Langsung di Malaysia (FDI) serta statistik Affiliate Asing di Malaysia.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Sime Darby Property kekal utuh meskipun cabaran dalam pasaran hartanah**<br><br>Masa depan Sime Darby Property Bhd kekal cergas dan berdaya tahan meskipun cabaran dalam pasaran hartanah.<br><br>Pendekatan berbeza pemaju perumahan itu kepada pertumbuhan perancangan membantu syarikat tersebut mencatatkan prestasi positif pada 2019. Sime Darby Property merekodkan keuntungan bersih RM598.5 juta bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Dis, 2019, atas sokongan hasil RM3.2 bilion. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1836680 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pada 2019, meskipun permintaan dalam segmen hartanah tertentu kekal di bawah purata, potensi hartanah bertanah dan mampu milik, dan produk perindustrian adalah menggalakkan.<br><br>Ketidakseimbangan dalam sektor selama bertahun-tahun ini memerlukan Sime Darby Property kekal menumpukan kepada mengenal pasti peluang di samping menyesuaikan diri kepada persekitaran operasi baharu bagi mengekalkan prestasinya dan kekal berdaya saing. | |
| 2. | **Bernama** | **COVID-19: Sektor ekonomi digalak kembali berfungsi kerana negara kini dalam fasa pemulihan**<br><br>Sektor ekonomi digalakkan untuk kembali berfungsi seperti biasa kerana negara kini memasuki fasa pemulihan.<br><br>Namun, tegasnya ada syarat-syarat dikenakan, antaranya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan.<br><br>Antara SOP itu adalah saringan suhu badan, memastikan ruangan tidak sempit bagi pekerja dan tiada perhimpunan dalam kawasan tersebut, mengamalkan penjarakan sosial serta kebersihan diri seperti kerap basuh tangan | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1836604 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | atau menggunakan cecair pembasmi kuman. | |
| 3. | **Berita Harian** | **Mudah.my agih kredit RM1 juta untuk peniaga Ramadan**<br><br>Portal jual beli dalam talian, Mudah.my, tampil dengan inisiatif baharu, "Ramadan bersama Mudah.my" dalam usaha membantu perniagaan kecil dan mikro berhubung dengan pembeli secara berkesan dan selamat tanpa perlu keluar rumah.<br><br>Kempen antara projek yang terkandung dalam inisiatif #mudahsokonglokal, dengan Mudah.my menyasar untuk bertindak sebagai platform yang menyokong perniagaan dan perusahaan di negara ini, ketika negara berdepan situasi mencabar ketika ini.<br><br>Mudah.my memperuntukkan kredit pengiklanan bernilai RM1 juta untuk diberikan kepada peniaga yang menyertai kempen "Ramadan Bersama Mudah.my. | https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/04/682897/mudahmy-agih-kredit-rm1-juta-untuk-peniaga-ramadan |

Penemuan penting & isu:

1. Masa depan Sime Darby Property Bhd kekal cergas dan berdaya tahan meskipun cabaran dalam pasaran hartanah. Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2019, Sime Darby Property merekodkan keuntungan bersih RM598.5 juta, atas sokongan hasil RM3. 2 bilion.
2. Sektor ekonomi digalakkan untuk kembali berfungsi seperti biasa kerana negara kini memasuki fasa pemulihan. Namun, ada syarat-syarat yang dikenakan, antaranya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan.
3. Mudah.my, melalui inisiatif baharu, "Ramadan bersama Mudah.my" membantu perniagaan kecil dan mikro berhubung dengan pembeli secara

| | |
|---|---|
| | berkesan dan selamat tanpa perlu keluar rumah. Platform tersebut memperuntukkan kredit pengiklanan bernilai RM1 juta untuk diberikan kepada peniaga yang menyertai kempen. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sektor hartanah di Malaysia. Keupayaan syarikat hartanah untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran operasi baharu dan kebolehan mengenalpasti peluang merupakan antara faktor syarikat berupaya mengekalkan prestasi dan berdaya saing sepanjang tempoh mencabar ini.<br>2. Peningkatan dalam aktiviti digital mendorong Mudah.my melalui program "Ramadan bersama Mudah.my" membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) membuat pemasaran secara efektif. Di samping itu, program ini menyumbang secara positif kepada prestasi e-dagang serta meningkatkan pendapatan peniaga dan seterusnya menggerakkan ekonomi. | |

| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Malaysia berdepan beberapa cabaran teruskan trajektori pertumbuhan - Moody's**<br><br>Malaysia ketika ini berdepan beberapa cabaran dalam meneruskan trajektori pertumbuhannya meskipun mencatatkan kemajuan memberangsangkan dalam tempoh empat dekad lepas, kata Moody's Analytics. | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1836844 |
| 2. | **Harian Metro** | **Pemulihan ekonomi perlu segera dilaksana**<br><br>LANGKAH membuka ekonomi dengan membenarkan industri beroperasi untuk memastikan ekonomi negara dapat berkembang dengan baik selepas mengalami kelembapan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/572463/pemulihan-ekonomi-perlu-segera-dilaksana |

<table>
<tr><td>3.</td><td>Berita Harian</td><td>Minyak rendah: Kos pengangkutan susut hampir 10 peratus pada Mac<br><br>Kos pengangkutan dijangka terus berkurangan dalam bulan mendatang berikutan kejatuhan mendadak harga minyak mentah global.</td><td>https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/683045/minyak-rendah-kos-pengangkutan-susut-hampir-10-peratus-pada-mac</td></tr>
